

Persepsi Patriotisme di Kalangan Mahasiswa Tinjauan dari Sudut Pemikiran Mahasiswa *High Achievers* UiTM Cawangan Kelantan

Mohd Zahari Yusoff, Muhammad Shukri Salleh
dan Meer Zhar Farouk Amir Razli
Universiti Teknologi MARA Kampus Kelantan,
Bukit Ilmu,
18500 Machang, Kelantan
farouk955@kelantan.edu.my

Abstrak: Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi patriotisme di kalangan mahasiswa yang ditinjau dari sudut pemikiran mahasiswa 'High Achievers'. Kajian ini menggunakan sample kajian yang terdiri daripada 64% atau 114 pelajar daripada semester 2 hingga semester 7 diploma dan ijazah dari pelbagai fakulti yang memperoleh pencapaian Purata Nilai gred Keseluruhan(PNGK) 3.5 dan ke atas di Universiti teknologi MARA kampus Kelantan. Instrument kajian adalah berasaskan soalselidik yang diedar kepada sample kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 12.0 dan data diproses dengan menggunakan nilai peratusan dan frekuensi. Hasil kajian menunjukkan 70.2% responden menghormati lagu kebangsaan manakala 90.3% sensitif terhadap bendera kebangsaan. 63.2% responden sanggup mengibarkan bendera di hari kemerdekaan dan 48.2% sanggup menggunakan wang sendiri untuk membeli bendera kebangsaan. Satu lagi dapatan yang menarik dari kajian ini ialah 57% responden akan tetap memberi sokongan kepada kerajaan walaupun keluarga mereka membangkang.

Katakunci: Patriotisme, responden.

1.0 Pendahuluan:

Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan saban tahun pada tanggal 31hb Ogos. Sudah menjadi kebiasaan di mana acara-acara berupa kekeluargaan seperti acara perbarisan dan perarakan secara besar-besaran akan berlangsung dari pagi untuk menonjolkan semangat patriotisme antara semua lapisan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, warna dan bangsa.

Tetapi sejauh manakah sebenarnya semangat patriotisme ini wujud di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya pemuda-pemudi zaman kini? Benarkah semangat cinta kepada Raja, agama, bangsa dan Negara seperti mana yang kita impikan wujud. Menghadiri acara perbarisan atau sekadar melekatkan berpuluh-puluh keping jalur gemilang di atas kenderaan ataupun menghadiri aktiviti-aktiviti kempen khidmat negara bukan boleh melahirkan semangat cinta kepada tanahair. Ya, mungkin dari segi pandangan luar sahaja semangat patriotisme kelihatan berkobar-kobar.

Sebenarnya erti merdeka jauh lebih mendalam. Tarikh keramat 31 Ogos 1957 mungkin sukar untuk dihayati oleh golongan masyarakat Malaysia terutamanya anak-anak muda masakini. Anak-anak muda kini rata-ratanya kabur sejarah serta gagal menghayati kemerdekaan sebagai wadah perjuangan bangsa suatu ketika dahulu(Khoo Kay Kim,2002). Bertitik tolak dari situlah maka Kerajaan pertama kalinya memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara pada tahun 2004 yang bertujuan memberi pendedahan dengan program-program yang berunsurkan perpaduan, kenegaraan, patriotisme, budi bahasa, nilai-nilai murni serta aspek-aspek ketahanan mental dan fizikal. Ini

sememangnya diharapkan agar para belia kita akan senantiasa sayang dan cintakan negara mereka walaupun negara telah mengalami pelbagai arus perubahan dari masa ke semasa.

1.1 Objektif

- 1.1.1 Untuk melihat pandangan menyeluruh mengenai tahap patriotisme di kalangan mahasiswa khususnya golongan pencapaian tinggi.
- 1.1.2 Untuk menilai unsur-unsur patriotisme di kalangan pelajar UiTM.

1.2 Skop Kajian

- 1.2.1 Kajian ini merangkumi para pelajar yang memperolehi CGPA melebihi 3.0 dan ke atas dari peperiksaan akhir pada setiap semester di Universiti Teknologi MARA cawangan Kelantan. Mereka dikategorikan sebagai 'high achievers' dan di kalangan mereka juga termasuklah pelajar yang menerima sijil Anugerah Dekan.

1.3 Kajian Lepas

Patriotisme adalah satu emosi terhadap negara dan dikaitkan dengan kerakyatan atau warga. Warga boleh ditentukan dengan cara undang-undang dan peraturan warga boleh dikarang dan ditentukan (Ghazali, 2001). Emosi patriotisme lahir dalam diri setiap warga kerana adanya rasa cinta, bangga, pesona dan megah terhadap tanahairnya. Para remaja, belia serta pelajar juga tidak kurangnya mempunyai emosi yang sama terhadap negara mereka yang dilahirkan melalui cara mereka tersendiri ().

Kajian-kajian yang berkaitan dengan elemen patriotisme banyak dilakukan baik dalam mahupun luar negara yang melihat patriotisme dari pelbagai perspektif. Di Amerika misalnya kewujudan universiti itu sendiri adalah hasil daripada semangat kenegaraan yang tinggi di kalangan para pentadbir dan ahli akademik universiti berkenaan. Universities of California, North Carolina, Wisconsin, Minnesota dan malah Harvard sendiri adalah antara contoh institusi pengajian tinggi yang merekrut pelajar mengikut usaha dan kreativiti masing-masing. Kriteria kemasukan seperti aktif dalam sukan, aktiviti kepimpinan, aktiviti seni serta giat dalam kerja-kerja sukarelaan menjadi antara syarat kemasukan dan bukannya semata-mata kepada pencapaian akademik melalui nilai mata CGPA. Ini melambangkan setiap universiti ini lahir dari ekspresi patriotik masing-masing yang tersendiri (Rosovsky, 1991).

Patriotisme menolong mencipta perpaduan, mencipta kepaduan dan menimbulkan kesetiakawanan serta perjuangan menuntut kemerdekaan dan semuanya ini perlu bagi kelangsungan hidup kumpulan (Nik Anuar, 2005). Ini terbukti semenjak zaman penjajahan lagi seawal zaman Portugis di Melaka pada 15 Ogos 1511 semangat penentangan orang Melayu Melaka telah terpadu di mana beberapa siri serangan demi serangan dilakukan bagi mengembalikan semula pemerintahan Kesultanan Melayu

Melaka. Tun Sri Lanang dalam bukunya 'Sulalatus Salatin' telah menulis tentang elemen patriotisme serta kisah perjuangan orang Melayu Melaka terhadap Portugis.

Penulisan sebegini juga begitu penting untuk menggarapkan rasa cinta dan sayang kepada watan atau negara. Pengalaman sejarah juga telah digunakan oleh para pejuang Aceh untuk membangkitkan semangat jihad dalam peperangan menentang Belanda di akhir abad ke 15. Seorang ulamak Aceh, Syeikh Muhammad Ibnu Abbas yang juga terkenal dengan nama Tengku Chik Kutakarang, dalam bukunya 'Tadhkirat ar Rakidin' menyeru pejuang Aceh agar mempelajari sejarah jihad para sahabat Nabi dan raja-rajanya dengan harapan 'supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingat segala akan mereka itu, syahdan adalah beroleh faedah daripadanya(Tun Sri Lanang;Sejarah Melayu 2).

Unsur patriotisme juga wujud dalam penulisan Hikayat Hang Tuah. Zaaba menganggap Hikayat Hang Tuah sebagai lambang kesatriaan dan kepahlawanan bangsa Melayu. Hang Tuah pula menjadi ikon pengabdian kepada Raja dan negara. Kita dapat melihat bagaimana penulisan dalam hikayat ini cuba menanamkan unsur taat setia kepada pemimpin adalah penting untuk menghindarkan perpecahan yang boleh menjejaskan kekuatan menentang musuh. Justru itu terungkaplah kata-kata seperti 'Pantang Melayu Derhaka' dan 'Takkan Melayu Hilang Di dunia'.

Dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an 2 orang pensyarah di Sultan Idris Training College iaitu Abdul Hadi haji Hasan dan Buyong Adil telah menghasilkan siri Sejarah Alam Melayu. Keduanya cuba menjelmakan perasaan kebangsaan di paras "Alam Melayu' iaitu dengan menembusi perasaan kedaerahan dan kenegerian kepada perasaan kesamaan satu bangsa Melayu(A.Samad Ahmad,1987)

Bagaimanapun, kemerdekaan telah mengubah mod rakyat negara ini. Generasi selepas merdeka tidak lagi berminat untuk membaca dan menghayati sejarah kononnya sejarah merupakan suatu ilmu yang tidak penting kerana ia tidak mempunyai nilai komersial(Mahathir,2001). Apabila mereka tidak banyak belajar dari sejarah pasti mereka akan 'lupa perjuangan'. Mereka sudah lupa bagaimana dahulu mereka dijajah dan dihina kerana mereka berpecah, tidak bersatu.

Keadaan inilah yang membimbangkan mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamed. Pada ketika berucap di hadapan kira-kira 6000 pelajar di Perhimpunan Patriotik Pelajar Peringkat Kebangsaan di Stadium Pasir Gudang, Johor Bharu, Tun mahathir mengingatkan generasi muda supaya mempelajari sejarah. Dengan pendekatan ini sejarah akan memainkan peranan sebagai pemupuk semangat patriotisme agar di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung dan pencipta keperibadian kebangsaan Malaysia.

1.4 Metodologi kajian

1.4.1 Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan. Sejumlah 114 daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendapat PNGK 3.5 dan ke atas dan aktif dalam bidang kokurikulum. Mereka ini terdiri dari pelbagai program dan tahun yang terlibat dalam penyelidikan ini. Pengumpulan data dibuat menggunakan soal selidik untuk melihat persepsi patriotisme di kalangan mahasiswa terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pemikiran mereka seperti hala tuju negara, daya kepimpinan Perdana Menteri, faktor masuk ke universiti, sumber wang pembiayaan pengajian, keadaan pilihanraya di kampus serta reaksi yang akan ditunjukkan jika lagu kebangsaan berkumandang dan bendera negara dibakar dan banyak faktor-faktor lain lagi.

Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik yang telah diberikan pada kursus High Achievers yang diadakan di Agro Resort, Setiu Terengganu. Data daripada soal selidik yang diperolehi di analisis dengan menggunakan Perisian Pakej Statistik untuk sains sosial (SPSS) versi 14.0. Data daripada soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Segala dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk peratusan dan nilai kekerapan. Instrumen kajian menggunakan 41 instrumen berbentuk soalselidik yang dipecahkan kepada 10 bahagian iaitu Demografik responden, elemen seperti pencapaian wawasan 2020, kepimpinan negara, pendidikan, Umum, Isu keselamatan, Pilihanraya, Semangat cinta kepada negara, Ekonomi dan aktiviti sukan. Kesemua instrumen ini menggunakan 5 skala Likert iaitu 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju dan 5: sangat setuju.

1.4.2 Batasan kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada para mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Machang yang memperolehi keputusan cemerlang melebihi CGPA 3.5 dalam setiap semester. Mereka terdiri dari 114 pelajar dari pelbagai fakulti dan golongan ini dikenali sebagai 'High Achievers'. Dengan yang demikian bilangan responden hanyalah terhad kepada bilangan yang spesifik iaitu 114 pelajar.

Disamping itu para responden datang dari pelbagai latarbelakang tempat tinggal serta status sosio-ekonomi yang berbeza. Ada yang berasal dari lembah Kelang dan negeri-negeri di pantai Barat dan mereka juga tergolong dalam status sosio ekonomi tinggi. Tidak kurang juga dikalangan mereka datang dari latarbelakang keluarga miskin dan sederhana. Keadaan ini memungkinkan wujud perbezaan persepsi terhadap nilai patriotisme di kalangan mereka dan boleh mempengaruhi dapatan kajian.

2.0 Dapatan kajian

Dapatan menunjukkan responden kajian terdiri dari semester 2 sehingga semester 6. Kesemua pelajar ini terdiri daripada kumpulan pelajar cemerlang atau "High Achievers". Responden yang berjumlah 114 orang terdiri daripada 27.2 peratus pelajar Ijazah dan

selebihnya pelajar Diploma. Sebanyak 40.4 peratus daripada responden adalah berumur 19 tahun dan dan selebihnya merangkumi umur 18 tahun dan ke atas. Sebagaimana biasa, peratusan responden perempuan lebih tinggi daripada responden lelaki iaitu sebanyak 86.8 peratus dan 99.1 peratus adalah responden yang bujang ataupun belum berkahwin.

Data menunjukkan responden terdiri daripada pelbagai kursus dan jumlah responden tertinggi adalah daripada fakulti pengajian kuantitatif iaitu sebanyak 40.4 peratus. Seterusnya diikuti oleh fakulti pengurusan perniagaan iaitu sebanyak 35.1 peratus. Majoriti responden adalah lepasan SPM iaitu sebanyak 71.9 peratus dan selebihnya adalah lepasan STPM, Diploma, Matrikulasi dan lain-lain.

Jadual 1: Profil Demografik Pelajar

		Frekuensi	Peratusan
CGPA	Kurang 3.5	7	6.1
	3.5 hingga 4.0	107	93.9
Aktif kokurikulum	Ya	49	43.0
	Tidak	64	56.1
Jawatan dalam kokurikulum	AJK Tertinggi	49	43.0
	AJK Bawahan	64	56.1
	Ahli Bawahan	113	99.1

Jadual menunjukkan responden terdiri daripada pelajar cemerlang iaitu 93.9 peratus responden memperoleh CGPA melebihi 3.5 ke atas serta aktif kokurikulum iaitu sebanyak 43.0 peratus. Walau bagaimanapun, 58.8 peratus responden lebih berminat untuk memegang jawatan sebagai ahli bawahan dan 22.8 peratus adalah AJK bawahan dalam bidang kokurikulum.

Jadual 2: Keyakinan terhadap negara dan hala tuju mahasiswa

		Frekuensi	Peratusan
Yakin Malaysia akan mencapai wawasan 2020 apabila tiba masanya	Tidak setuju	1	0.9
	Tidak pasti	18	15.8
	Setuju	55	48.2
	Sangat setuju	40	35.1
Matlamat dan hala tuju mahasiswa ialah ke arah negara maju dan daya	Tidak setuju	1	.9
	Tidak pasti	8	7.0
	Setuju	58	50.9

saing	Sangat setuju	47	41.2
-------	---------------	----	------

Dalam menilai persepsi patriotisme di kalangan mahasiswa, jadual 2 menunjukkan 48.2 peratus responden setuju dan yakin Malaysia akan mencapai wawasan 2020 apabila tiba masanya. 35.0 peratus lagi sangat yakin Malaysia akan mencapai wawasan 2020 apabila tiba masanya. 50.9 peratus responden meletakkan setuju dan 41.2 peratus sangat setuju bahawa matlamat dan hala tuju mahasiswa ialah ke arah negara maju dan daya saing.

Tinjauan dari sudut pemikiran mahasiswa juga meletakkan 57.0 dan 33.3 peratus setuju dan sangat setuju dengan kepimpinan hari ini mampu menerajui negara ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Separuh daripada jumlah responden meletakkan setuju berpendapat mahasiswa berjaya masuk ke universiti adalah hasil usaha pemimpin negara terdahulu. Sebaliknya 29.9 peratus lagi tidak pasti dengan perkara tersebut.

Jadual 3: Sensitiviti terhadap kepimpinan Pak Lah

		Frekuensi	Peratusan
Suka dengan cara kepimpinan Pak Lah kerana orientasi keagamaan yang ada padanya	Tidak setuju	2	1.8
	Tidak pasti	21	18.4
	Setuju	55	48.2
	Sangat setuju	36	31.6
Tidak sensitif sekiranya orang lain mengutuk pemimpin negara kerana mereka bukan keluarga saya	Tidak setuju	36	31.6
	Tidak pasti	41	36.0
	Setuju	25	21.9
	Sangat setuju	12	10.5

Seterusnya, jadual 3 menunjukkan 48.2 peratus responden setuju dengan cara kepimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana orientasi keagamaan kepada beliau. Malah responden juga meletakkan 31.6 peratus sangat setuju atau suka dengan cara kepimpinan Pak Lah kerana orientasi keagamaannya. Tinjauan ke atas sensitiviti para responden sekiranya orang lain mengutuk pemimpin negara kerana mereka bukan keluarga mereka menunjukkan 36.0 peratus adalah sangat tidak setuju dikatakan tidak sensitif dengan kenyataan berikut.

Responden juga sangat setuju meletakkan 35.1 peratus dan 25.4 peratus setuju akan berjabat tangan sekiranya bertemu dengan Pak Lah. Sebaliknya responden tidak pasti dan

tidak setuju untuk hadir majlis bersama pemimpin sekiranya diberikan percuma dengan meletakkan peratus sebanyak 28.9 dan 27.2 peratus. Responden meletakkan 36.8 peratus setuju bahawa para mahasiswa berjaya masuk ke universiti adalah kerana kepintaran dan kerajinan sendiri dan 27.2 peratus lagi adalah tidak pasti dengan faktor tersebut.

Jadual 4: Persepsi mahasiswa terhadap wang pembiayaan pengajian

		Frekuensi	Peratusan
Percaya bahawa wang yang digunakan untuk membiayai pengajian adalah wang negara	Tidak setuju	5	4.4
	Tidak pasti	25	21.9
	Setuju	51	44.7
	Sangat setuju	33	28.9
Patut berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi banyak peluang kepada orang Melayu	Tidak pasti	3	2.6
	Setuju	49	43.0
	Sangat setuju	62	54.4

Merujuk kepada jadual 4, tinjauan dari sudut mahasiswa bahawa wang yang digunakan untuk membiayai pengajian adalah wang negara, mendapati responden meletakkan 44.7 peratus setuju dan percaya bahawa wang itu adalah wang negara dan 28.9 peratus lagi sangat setuju bahawa wang yang digunakan untuk membiayai pengajian adalah wang negara. Lebih separuh jumlah responden sangat setuju mahasiswa patut berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi banyak peluang kepada orang Melayu dan 43.0 peratus lagi adalah setuju dengan kenyataan ini.

Peranan badan PTPTN juga amat penting kepada para mahasiswa. Ini adalah kerana, 27.2 peratus responden setuju bahawa mereka mampu meneruskan pengajian kerana adanya PTPTN dan 33.3 peratus lagi meletakkan tidak pasti dengan keadaan tersebut. Persepsi yang sama iaitu tidak pasti iaitu dengan peratusan sebanyak 27.2 peratus dapat dilihat terhadap cara pemikiran para responden tentang kewajaran menamatkan biasiswa dan diganti dengan pinjaman adalah wajar dan 24.6 peratus lagi adalah tidak setuju jika biasiswa ditamatkan dan diganti dengan pinjaman.

Data juga menunjukkan majoriti responden dengan peratusan sebanyak 71.1 peratus sangat tidak setuju dengan pembelajaran matematik dan sains dalam Bahasa Inggeris jika

dikategorikan sebagai tindakan tidak bijak. Seterusnya responden juga meletakkan 53.5 peratus tidak pasti dengan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) relevan dengan dunia pendidikan tetapi 37.7 peratus lagi setuju dengan Akta Universiti Kolej Universiti relevan dengan dunia pendidikan.

Semangat patriotisme di kalangan mahasiswa juga dapat dilihat pada dapatan data sejauh mana perasaan responden sayang kepada negara, 60.5 peratus daripada jumlah responden sangat setuju sayang kepada negara manakala 34.2 peratus lagi meletakkan setuju sayang kepada negara. Selain itu, semangat patriotisme dapat ditonjolkan lagi berdasarkan data mengenai demonstrasi merupakan satu cara untuk menimbulkan sensitiviti negara yang menunjukkan 22.8 peratus adalah tidak setuju jika demonstrasi merupakan satu cara untuk menimbulkan sensitiviti negara dan 25.4 peratus lagi adalah tidak pasti dengan kenyataan berikut.

Daripada data juga didapati responden setuju dengan pilihanraya kampus yang dijalankan secara bebas dengan meletakkan peratusan sebanyak 40.4 peratus. Data juga menunjukkan 46.5 peratus responden setuju untuk membuang undi walaupun dalam keadaan hujan lebat. 29.8 peratus lagi adalah tidak pasti untuk turun membuang undi atau tidak ketika hujan lebat.

Jadual 5: Persepsi Mahasiswa di bulan kemerdekaan dan semasa Pilihanraya

		Frekuensi	Peratusan
Tetap menyokong parti kerajaan walaupun keluarga membangkang	Sangat tidak setuju	4	3.5
	Tidak setuju	5	4.4
	Tidak pasti	40	35.1
	Setuju	40	35.1
	Sangat setuju	25	21.9
Kibarkan bendera Malaysia ketika hari merdeka	Sangat tidak setuju	2	1.8
	Tidak setuju	4	3.5
	Tidak pasti	36	31.6
	Setuju	48	42.1
	Sangat setuju	24	21.1
Keluarkan wang sendiri untuk membeli bendera	Sangat tidak setuju	2	1.8
	Tidak setuju	11	9.6
	Tidak pasti	46	40.4
	Setuju	39	34.2
	Sangat setuju	16	14.0

Berdasarkan jadual 5 kita bolehlah membuat keputusan bahawa pemikiran para mahasiswa adalah berada pada tahap yang sama rata iaitu pada peratusan sebanyak 35.1 peratus setuju untuk tetap menyokong parti kerajaan walaupun keluarga membangkang dan juga tidak pasti untuk tetap menyokong parti kerajaan walaupun keluarga

membangking. Malahan, dalam musim bulan kemerdekaan juga, kita dapat melihat semangat patriotisme di kalangan mahasiswa dengan peratus sebanyak 42.1 peratus setuju untuk mengibarkan bendera Malaysia ketika hari kemerdekaan. 31.6 peratus lagi adalah tidak pasti untuk berbuat demikian. Para mahasiswa juga sanggup mengeluarkan wang sendiri untuk membeli bendera dengan meletakkan 34.2 peratus tetapi 40.4 peratus lagi adalah tidak pasti untuk mengeluarkan wang sendiri atau tidak untuk membeli bendera.

Jadual 6: Persepsi Mahasiswa dari sudut pemikiran patriotisme

		Frekuensi	Peratusan
Memohon untuk menyertai PLKN sekiranya dibuka untuk mahasiswa	Sangat tidak setuju	18	15.8
	Tidak setuju	15	13.2
	Tidak pasti	29	25.4
	Setuju	28	24.6
	Sangat setuju	24	21.1
Tidak malu untuk menyanyikan lagu kebangsaan di mana sahaja	Sangat tidak setuju	2	1.8
	Tidak setuju	2	1.8
	Tidak pasti	17	14.9
	Setuju	56	49.1
	Sangat setuju	37	32.5
Berdiri apabila lagu kebangsaan dimainkan	Tidak setuju	5	4.4
	Tidak pasti	29	25.4
	Setuju	49	43.0
	Sangat setuju	31	27.2
Marah jika lagu kebangsaan dipermainkan	Sangat tidak setuju	4	3.5
	Tidak setuju	2	1.8
	Tidak pasti	9	7.9
	Setuju	48	42.1
	Sangat setuju	51	44.7
Tidak kisah sekiranya bendera kebangsaan dibakar	Sangat tidak setuju	87	76.3
	Tidak setuju	16	14.0
	Tidak pasti	1	.9
	Setuju	4	3.5
	Sangat setuju	6	5.3

Merujuk kepada jadual 6 responden meletakkan keadaan tidak pasti dengan peratusan sebanyak 25.4 peratus dan 24.6 peratus lagi adalah setuju memohon untuk menyertai

PLKN sekiranya dibuat untuk mahasiswa. Seterusnya, 49.1 peratus responden setuju dan 32.5 peratus responden sangat setuju menyatakan tidak malu untuk menyanyikan lagu kebangsaan di mana sahaja. Dapatan ini dapat di kukuhkan lagi dengan data yang menunjukkan 43.0 peratus responden akan berdiri apabila lagu kebangsaan dimainkan dan 27.2 peratus lagi sangat setuju untuk berdiri apabila lagu kebangsaan dimainkan.

Persepsi patriotisme dikalangan mahasiswa juga dapat ditinjau melalui perasaan marah jika lagu kebangsaan dimain-mainkan. Majoriti responden sangat setuju meletakkan 44.7 peratus dan 42.1 peratus setuju untuk marah jika lagu kebangsaan dimain-mainkan. Majoriti responden juga sangat tidak setuju jika dikatakan tidak kisah sekiranya bendera negara dibakar dengan meletakkan peratusan majoriti sebanyak 76.3 peratus.

Jadual 7: Persepsi Mahasiswa ke atas perbelanjaan dan kereta nasional

		Frekuensi	Peratusan
Akan berbelanja di London dan Paris sekiranya mampu	Sangat tidak setuju	25	21.9
	Tidak setuju	29	25.4
	Tidak pasti	36	31.6
	Setuju	13	11.4
	Sangat setuju	11	9.6
Model dan harga kereta nasional adalah kompetitif berbanding kereta import	Sangat tidak setuju	1	0.9
	Tidak setuju	4	3.5
	Tidak pasti	48	42.1
	Setuju	48	42.1
	Sangat setuju	13	11.4
Akan membeli kereta nasional	Sangat tidak setuju	1	0.9
	Tidak setuju	10	8.8
	Tidak pasti	36	31.6
	Setuju	42	36.8
	Sangat setuju	25	21.9
Akan menggunakan kereta nasional	Sangat tidak setuju	1	.9
	Tidak setuju	7	6.1
	Tidak pasti	43	37.7
	Setuju	40	35.1
	Sangat setuju	23	20.2

Hasil data dalam jadual 7 menunjukkan 31.6 peratus responden tidak pasti untuk berbelanja di London dan Paris sekiranya mampu dan 25.4 peratus lagi tidak setuju untuk berbelanja di London dan Paris sekiranya mampu. Selain itu, jadual juga menunjukkan responden mempunyai pendapat yang sama iaitu setuju dan tidak pasti

dengan meletakkan 42.1 peratus menyatakan model dan harga kereta nasional adalah kompetitif berbanding kereta import. Walau bagaimanapun, responden meletakkan 36.8 peratus akan membeli kereta nasional berbanding kereta import dan 31.6 peratus lagi adalah tidak pasti untuk berbuat demikian.

Keaadaan yang sama juga dapat dilihat dari segi pemikiran para mahasiswa untuk tetap akan menggunakan kereta nasional atau tidak dengan meletakkan peratusan 37.1 peratus tidak pasti akan menggunakan kereta nasional dan 35.1 peratus lagi setuju akan menggunakan kereta nasional. Akhir sekali para mahasiswa juga meletakkan tidak pasti iaitu 36.8 peratus untuk sokong MU berbanding pasukan Selangor tetapi keadaan sebaliknya dapat dilihat, responden meletakkan 27.2 peratus adalah tidak setuju untuk menyokong MU berbanding pasukan Selangor. Kesimpulannya, daripada dapatan data yang dibuat dikalangan mahasiswa, tinjauan dari sudut pemikiran mahasiswa mendapati mahasiswa mempunyai persepsi patriotisme yang tinggi terhadap negara Malaysia.

3.0 Kesimpulan dan Saranan:

3.1: Pihak Hal Ehwal Pelajar perlu memastikan nilai patriotisme sentiasa wujud dan bersemarak di kalangan para pelajar khususnya orang Melayu. Ini boleh dilaksanakan melalui penglibatan HEP dalam semua aktiviti kenegaraan seperti Bulan Kemerdekaan, Program Cintai bahasa dan lain-lain program yang dianjurkan oleh pihak seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Penerangan.

3.2: Pihak HEP sendiri boleh menganjurkan program mereka sendiri untuk memupuk semangat patriotisme seperti lawatan ke tempat bersejarah, program taklimat, Bicara Tokoh, Kempen Pengibaran Bendera di Kolej Kediaman dan penginapan pelajar, Konvoi Kemerdekaan dan sebagai lagi yang boleh difikirkan.

3.3: Memantapkan lagi matapelajaran Kenegaraan Malaysia dengan memasukkan elemen latihan kenegaraan dalam bentuk tugasan kepada pelajar selain dari aspek teori sahaja.

3.4: Menyediakan program Khidmat Negara Mahasiswa dengan penekanan kepada Disiplin dan Kemahiran menggunakan senjata ringan yang boleh dijalankan semasa cuti panjang antara semester.

